

OPERASI BERSEPADU BERSAMA JABATAN SIASATAN DAN PENGUATKUASAAN TRAFIK (JSPT) IPK KEDAH

7 FEBRUARI 2023 - Alor Setar, Kedah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah dengan kerjasama Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) IPK Kedah telah menjalankan operasi bersepadu bagi ujian bunyi bising motosikal.

Sebanyak empat (4) buah motosikal telah ditahan dan diuji tahap pelepasan bunyi bising daripada ekzos. Kesemua motosikal telah GAGAL mematuhi Standard B, Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987.

Kompaun telah dikeluarkan kepada kesemua pemilik motosikal atas kesalahan mengeluarkan bunyi bising daripada kenderaan motor melebihi had yang dibenarkan.

Pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) IPK Kedah diatas kerjasama dalam menjayakan operasi bersepadu ini. Semoga kerjasama yang terjalin ini akan terus diperkasa dan menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

#NRECC

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jaskedah

#ukb_jaskedah